

# Syarikat gergasi TBB Arab Saudi minat labur AS \$10 bilion

**ACWA Power jalin kerjasama dengan firma tempatan dalam tempoh 10 tahun**

**Riyadh:** Syarikat gergasi tenaga boleh baharu (TBB) berpangkalan di Arab Saudi, ACWA Power, berminat untuk melabur lebih AS\$10 bilion di Malaysia dalam tempoh 10 tahun, menerusi kerjasama dengan syarikat tempatan, Cypark Resources Bhd.

Perkara itu dimaklumkan Pengerusi ACWA Power, Mohammad A Abunayyan yang melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, di luar mesyuarat khas Forum Ekonomi Sedunia (WEF) di sini, semalam.

Turut serta pada pertemuan selama setengah jam itu ialah Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafri Abdul Aziz serta pengurusan tertinggi Cypark Resources dan Kumpulan Jakel yang merupakan pemegang saham utama Cypark Resources.

Pengerusi Eksekutif Cypark Resources, Datuk Ami Moris, berkata kerjasama dalam TBB itu kini pada peringkat perbincangan akhir dan jangka dapat dimuktamadkan menjelang akhir tahun ini.

"ACWA Power antara syarikat TBB terbesar dunia yang berminat untuk melabur di Malaysia, melaksanakan pemindahan teknologi dan berkongsi kepakaran untuk taman perindustrian di Jasin, Melaka dan Kerian, Perak membabitkan penjana pusat data hijau," katanya kepada pemberita selepas pertemuan itu.

Sementara itu, Pengarah Urusan Kumpulan Jakel, Datuk Seri Mohamed Faroz Jakel, berkata Jakel Capital selaku pemegang saham utama Cypark Resources, turut terbabit dalam projek TBB berkenaan.

"Kami di Riyadh untuk berbincang mengenai kerjasama ini dan Jakel juga memiliki beberapa tanah yang boleh dijadikan ladang solar untuk membekal tenaga dengan Cypark Resources," katanya.

Dalam pada itu, pada hari te-



Anwar bersalaman dengan Mohammad ketika kunjungan hormat di luar WEF di Riyadh, semalam. (Foto BERNAMA)

rakhir mesyuarat khas WEF semalam, menyaksikan Perdana Menteri mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatnya dari Pakistan, Muhammad Shehbaz Sharif dan Perdana Menteri Qatar, Mohammed bin Abdulrahman bin Jassim Al Thani.

Anwar turut menerima kunjungan hormat daripada Menteri Luar Turkiye, Hakan Fidan.

Mesyuarat khas WEF selama dua hari bermula semalam dan bertemakan 'Kerjasama Global, Pertumbuhan dan Tenaga untuk Pembangunan' dihadiri lebih 1,000 peserta, termasuk ketua negara serta kerajaan, selain pemimpin perniagaan dan industri.

## Potensi pelaburan baharu

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia dan Arab Saudi sedang berbincang mengenai pelaburan baharu untuk negara ini.

Anwar berkata, beliau dan delegasinya dijangka memuktamadkan butiran pelaburan dari Arab Saudi ke Malaysia petang semalam.

"Kami akan mengumumkan beberapa pelaburan baharu dengan kerajaan Arab Saudi," katanya.

Perdana Menteri optimis lebih banyak pelabur bernilai tinggi akan memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan mereka.

Perdana Menteri berkata, mereka akan mengikut jejak langkah syarikat gergasi seperti Tesla Inc, Amazon Web Services (AWS), Infineon dan NVIDIA Corporation.

Keyakinan itu dizahirkan hasil pertemuan beliau bersama lebih 50 pemimpin industri dan perniagaan pelbagai sektor dari seluruh pelosok dunia sempena Mesyuarat Khas Forum Ekonomi Sedunia (WEF) di Riyadh, Arab Saudi.

"Antara syarikat yang menyertai sesi ini termasuk Samsung, Chevron, BrainBox AI, Cisco Systems, OmniBot.ai, TotalEnergies, Lulu Group International, Deutsche Bank dan Saudi Industrial Development Fund.

"Ruang ini saya gunakan untuk memaparkan keutamaan, inisiatif strategik serta kadar pertumbuhan ekonomi dan fiskal negara, selain kewujudan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan," katanya.

Anwar berkata, sesi seumpama itu penting untuk beliau dan delegasi Malaysia lain meyakinkan pemimpin industri untuk melabur dalam negara, sekali gus melonjak pertumbuhan ekonomi negara serta mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi buat rakyat Malaysia.

"Ramai pemimpin industri dan perniagaan yang hadir menunjukkan keyakinan terhadap prospek pertumbuhan ekonomi dan kestabilan politik negara dengan menyatakan minat untuk melabur di Malaysia dalam pelbagai bidang.

"Saya beri jaminan urusan pelaburan mereka akan dipermudah dan disegerakan, terutama selepas kerajaan berjaya menangani isu kerehah birokrasi yang berlanjutan sejak sekian lama sebelum ini," katanya.

BERNAMA